

30/10/1997

Peluang rakyat bukti kesetiaan

TAIPING, Rabu - Pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Changkat Jering dan Sungai Bakap, 8 November ini adalah peluang terbaik bagi rakyat membuktikan kesetiaan kepada kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir.

Ketua Penerangan Umno, Datuk Dr Yusof Noor, berkata pengundi daripada pelbagai lapisan masyarakat dan fahaman politik yang sebelum ini menyokong usaha Perdana Menteri dalam menangani masalah ekonomi negara, perlu membuktikan keikhlasan mereka dengan mengundi calon Barisan Nasional (BN).

"Inilah masanya kita membuktikan kesetiaan dan sokongan kepada Perdana Menteri yang menerima tekanan pelbagai pihak dari luar ketika beliau berusaha memulihkan ekonomi negara."

"Bagi peniaga pula, mereka akan rugi jika tidak memilih BN kerana hasil usaha kuat kerajaanlah mereka menikmati kekayaan," katanya selepas mengiringi calon BN, Mat Isa Ismail di tempat penamaan calon di Pejabat Daerah Larut, Matang dan Selama, di sini, hari ini.

Menurutnya, rakyat harus menerima hakikat bahawa kemerosotan ekonomi dan kejatuhan pasaran saham sekarang bukan bersifat dalaman, malah di seluruh dunia.

Dr Yusof berkata, BN juga akan menjelaskan isu berkenaan dalam pilihan raya itu agar rakyat mengetahuinya dengan jelas.

Sehubungan itu, menurutnya, BN yakin rakyat matang dalam menilai mana yang terbaik.

Sementara itu, Menteri Besar, Tan Sri Ramli Ngah Talib, yang juga Pengerusi BN Perak berkata, BN sudah mengenal pasti isu yang akan dibangkitkan parti lawan dalam kempen mereka.

"Oleh itu, kita sudah bersedia dengan jawapannya supaya dapat dijelaskan kepada rakyat. Kita yakin BN akan mendapat kemenangan besar dalam pilihan raya kecil ini," katanya.

(END)